

04 NOV 2003

Norian-Bersara (Bergambar)

SAYA TELAH LAKUKAN SEBAIK MUNGKIN, KATA NORIAN

KUALA LUMPUR, 4 Nov (Bernama) -- Tan Sri Norian Mai yang bersara hari ini sebagai Ketua Polis Negara berkata beliau telah melaksanakan tugasnya sebaik mungkin dan berpuas hati dengan sumbangan polis terhadap ketenteraman dan kemajuan negara.

Bagaimanapun, katanya, setelah selama hampir lima tahun memegang jawatan itu, beliau berpendapat masih ada ruang bagi Polis Diraja Malaysia (PDRM) meningkatkan mutu perkhidmatannya untuk menangani pelbagai masalah dan cabaran selaras dengan kepesatan pembangunan negara.

"Pada diri saya sendiri, saya berpuas hati kerana saya telah cuba sebaik mungkin untuk melaksanakan amanah, tanggungjawab yang diberikan kepada saya sebagai Ketua Polis Negara mulai 1999.

" Jadi apabila saya berundur sekarang dari PDRM, masyarakat telah melihat keadaan negara tenteram dan saya percaya masyarakat melihat PDRM menyumbang terhadap kemajuan negara. Jadi saya rasa kepuasan melaksanakan tanggungjawab setakat kemampuan saya," katanya kepada pemberita di pejabatnya di sini petang semalam.

Norian, yang menyambut hari jadinya ke-57 esok, menyertai PDRM pada 1969. Perkhidmatannya sebagai Ketua Polis Negara dilanjutkan oleh kerajaan selama dua tahun setelah mencapai umur persaraan wajib pada 2001.

" Bukan saya anggap (tahap pencapaian polis) tidak boleh diperbaiki. Saya puas hati setelah berusaha setakat kemampuan saya. Memang, banyak lagi yang memerlukan improvement (penambahbaikan) dalam PDRM," katanya.

Norian mengambil alih jawatan Ketua Polis Negara daripada Tan Sri Abdul Rahim Noor dalam kehangatan apa yang dikenali sebagai insiden "mata lebam" melibatkan bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Abdul Rahim dikenakan hukuman penjara dua bulan dan denda RM2,000 oleh mahkamah Sesyen Kuala Lumpur pada 15 Mac 2000 selepas beliau mengaku salah menyebabkan kecederaan terhadap Anwar dalam lokap di Bukit Aman di sini pada 10.45 malam pada 20 Sept, 1998.

Anwar ditahan pada hari yang sama kerana terlibat dalam satu tunjuk perasaan anti-kerajaan dan telah dibawa ke Bukit Aman dan ditempatkan di dalam sebuah sel.

Norian ditanya sama ada imej polis yang terjejas ekoran insiden "mata lebam" itu telah dipulihkan.

"Susah saya nak beri ulasan. Pada saya, ia lebih kepada bagaimana masyarakat, orang biasa dan kerajaan menilai (perkara ini). Saya sendiri susah nak menilai," katanya.

Bagaimanapun, katanya, maklumat balas masyarakat dan orang perseorangan menunjukkan polis berjaya memulihkan imejnya.

Norian berkata beliau dapat merasakan pandangan itu semasa membuat kunjungan perpisahannya terhadap Tun Dr Mahathir Mohamad sebelum beliau bersara sebagai Perdana Menteri beberapa hari lepas.

Beliau juga berkata sesebuah negara tidak semestinya sentiasa memperbesarkan pasukan polisnya selaras dengan pertumbuhan penduduk dan pembangunan negara seperti yang dilakukan di Malaysia.

" Di beberapa negara maju, apa yang dilakukan ialah dengan menambah kecakapan anggota polis secara individu di samping menggunakan peralatan lebih moden serta seseorang anggota polis diberi pelbagai tugas," katanya, merujuk kepada PDRM yang sedang menambah lebih 20,000 lagi anggota.

" Tetapi di Malaysia, kita belum lagi boleh berbuat demikian".

Ketika ditanya mengenai cabaran terbesar beliau semasa berkhidmat

sebagai Ketua Polis Negara, Norian berkata ia termasuk menghapuskan ancaman kumpulan militan Al-Ma'unah pada 2000 dan mengembalikan keamanan ekoran rusuhan penduduk di Kampung Medan dekat sini pada 2001, memandangkan beliau pada awalnya bimbang insiden-insiden seperti itu akan menggugat keselamatan negara.

Norian berkata selain kedua-dua kejadian itu, polis juga terpaksa berdepan dengan rungutan tentang kadar jenayah yang tinggi khususnya di bandar setelah polis didakwa "tidak bertindak secukupnya untuk mengatasi masalah itu."

"Polis menghadapi masalah untuk meyakinkan orang ramai kerana mereka tidak faham bahawa polis juga perlu mengerahkan dan mengoptimumkan sumber tenaganya bagi tugas yang bukan berbentuk pencegahan jenayah," katanya.

Beliau menjelaskan bahawa anggota polis perlu ditugaskan juga bagi urusan logistik, pentadbiran, Cawangan Khas, marin dan penguatkuasaan lain.

Norian juga berkata beliau tidak bertolak ansur dengan sebarang salah laku atau perbuatan melanggar disiplin sama ada yang melibatkan pegawai tinggi atau anggota biasa.

Katanya setiap tahun, ramai anggota polis dipecat atau didakwa di mahkamah kerana salah laku, jumlahnya melebihi agensi penguatkuasa kerajaan yang lain.

Norian melahirkan rasa bimbang kerana terdapat anggota polis muda yang terlibat dengan rasuah.

Bagi mengatasi masalah itu, pelbagai kursus dan seminar diadakan di semua peringkat bagi melengkapkan anggota polis dengan maklumat yang lebih baik selain yang berunsur agama supaya mereka menjauhi gejala tidak sihat.

Kepada satu soalan, Norian berkata kecenderungan media melaporkan kejadian jenayah di negara ini tidak menjejaskan pelaburan asing, kerana berdasarkan maklumat balas daripada pelabur asing, faktor utama yang menjadikan Malaysia menarik sebagai pusat pelaburan adalah keamanan dan kestabilannya.

Mengenai ssatu isu lain, Norian berkata tindakan disiplin telah diambil terhadap beberapa pegawai polis yang gagal mengikut prosedur ketika menahan 186 pekerja IT dari India di Brickfields pada Mac lepas.

India membantah insiden itu hingga mendorong Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang merupakan timbalan perdana menteri ketika itu, mengarahkan Kementerian Luar menghantar surat memohon maaf.

"Kebanyakan negara faham mengenai tindakan kita, seperti jika ia melibatkan warga mereka terlibat dalam pergaduhan," kata Norian, semasa ditanya tentang tindakan tertentu polis yang boleh mengeruhkan hubungan dua hala.

Mengenai rancangan beliau selepas bersara, Norian : "Tidak ada yang menarik, tetapi mulai sekarang saya mempunyai lebih masa untuk golf."

-- BERNAMA

AU SAN MAI